

Malaysia kaji 10 JUN 1992 beberapa konvensyen

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia hanya akan menandatangani perjanjian di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unced) di Rio de Janeiro, sekiranya ia bersetujuan dengan kepentingan negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerajaan masih mengkaji dengan mendalam beberapa konvensyen yang dikemukakan termasuk Konvensyen Mengenai Biodiversiti dan Konvensyen Mengenai Perubahan Iklim, sebelum membuat keputusan untuk menandatangani.

"Kita masih belum membuat keputusan untuk menandatangani mana-mana perjanjian.

Jika kita mendapati perjanjian yang ditandatangani memberi faedah kepada Malaysia, kita akan tandatangani.

"Kita juga mengkaji dengan mendalam beberapa konvensyen yang dikemukakan supaya ia bermakna. Kalau perjanjian itu ditulis dengan cara yang tidak menentukan sesuatu akan dibuat, tidak ada makna kalau kita tandatangani," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian pemindahan teknologi melalui kewujudan Pusat Teknologi Tayar Sime Darby di antara Sime Darby Group dan Sumitomo Rubber Industries Limited, Jepun.

Katanya, Malaysia tidak puas hati dengan be-

berapa konvensyen dikemukakan di sidang itu.

Antaranya, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak puas hati dengan Konvensyen Mengenai Perubahan Iklim kerana ia tidak menggariskan program yang tepat untuk dilaksanakan bagi mengurangkan kesan pemanasan bumi.

Mengenai kenyataan Presiden George Bush bahawa Amerika tetap tidak berminat menyediakan sumber kewangan bagi membiayai program alam sekitar, beliau berkata, Amerika bebas mengeluarkan pendapat sedemikian.

"Itu pendirian Amerika, tetapi kita berpendapat kalau negara lain yang lebih kaya daripada kita tidak sanggup berbelanja (untuk membiayai

program alam sekitar), susahlah bagi kita hendak menyediakan sumber kewangan," katanya.

Sidang Kemuncak Bumi yang masuk hari ketujuh hari ini masih belum mencapai kata sepakat mengenai pelbagai perkara terutama berkaitan isu pembiayaan sumber kewangan dan Konvensyen Perhutanan.

Mengenai sikap sesetengah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Barat yang menuduh kerajaan merosakkan alam sekitar dengan kegiatan perhutanan, Dr Mahathir berkata:

"Kita tidak boleh menjadi kesukaan semua orang. Sesetengah NGO mungkin tidak menyukai kita, tetapi sesetengah yang lain menyukai Malaysia."